

D.R. 8/96

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Sri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan (Pindaan) 1996. Tajuk ringkas.

2. (1) Seksyen 2 Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda— Pindaan seksyen 2 Akta 372

(a) dalam subseksyen (1)—

(i) dengan memotong takrif ' "amaun minimum wang modal" atau "amaun minimum wang kerja bersih" ';

(ii) dengan memotong takrif "bank asing berlesen";

- (iii) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam perenggan (*f*) takrif "ditubuhkan", dengan menggantikan perkataan "menurut undang-undang memulakan aktivitinya" dengan perkataan "memulakan aktivitinya dengan sah";
- (iv) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam perenggan (*b*) takrif "dokumen", dengan menggantikan perkataan "imajan" dengan perkataan "imej";
- (v) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam perenggan (*d*) takrif "harta", dengan menggantikan perkataan "wang kertas" dengan perkataan "nota bank";
- (vi) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam perenggan (*e*) takrif "harta", dengan menggantikan perkataan "gerenti" dengan perkataan "jaminan";
- (vii) dengan memotong takrif "institusi tempatan berlesen";
- (viii) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam perenggan (*a*) takrif "perniagaan pembiayaan pembangunan", dengan menggantikan perkataan "komersil baru atau usaha ekonomi lain" dengan perkataan "komersil atau usaha ekonomi lain yang baru";
- (ix) dengan menggantikan perenggan (*b*) takrif "perniagaan syarikat kewangan" dengan perenggan yang berikut:
 - "(*b*) (i) pemberian kemudahan kredit;
 - (ii) perniagaan pemajakan;
 - (iii) perniagaan sewa-beli, termasuklah perniagaan yang tertakluk kepada Akta Sewa-Beli 1967; atau

- (iv) perniagaan memperoleh hak dan kepentingan dalam sewa-beli, pemajakan atau transaksi serupa itu yang lain.";
- (x) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam perenggan (a) takrif "perniagaan tanda kredit", dengan menggantikan perkataan "barang" dengan perkataan "barangan";
- (xi) dengan memasukkan, selepas takrif "saudara", takrif yang berikut:
- ' "sekuriti" mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah subseksyen 2(1) Akta Perindustrian Sekuriti 1983;';
- (xii) dengan memasukkan, selepas takrif "subsidiari", takrif yang berikut:
- ' "suratcara terbitan" mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah subseksyen (7);';
- (xiii) dengan memotong takrif "wang kerja bersih";
- (b) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:
- "(4) Jika di bawah mana-mana peruntukan Akta ini, kuasa diberikan kepada Bank untuk menghendaki mana-mana orang, atau jika mana-mana orang dikehendaki di bawah mana-mana peruntukan Akta ini, untuk mengemukakan, mengadakan atau menyediakan kepada Bank apa-apa maklumat, pernyataan, statistik, penyata atau dokumen—
- (a) Bank boleh menentukan bahawa maklumat, pernyataan, statistik, penyata atau dokumen itu hendaklah dikemukakan, diadakan atau disediakan

Akta 280.

dalam apa-apa tempoh, pada apa-apa lat tempoh, dalam apa-apa cara, dalam apa-apa bentuk, dan secara bertulis atau dengan cara apa-apa rakaman tampak (sama ada berbentuk imej pegun atau bergerak) atau apa-apa rakaman bunyi, atau apa-apa rakaman elektronik, magnetik, atau mekanikal atau apa jua rakaman lain, pada apa-apa bahan, material, benda atau artikel, sebagaimana yang dinyatakan oleh Bank dalam penentuan itu; dan

(b) orang itu tidak boleh mengemukakan, mengadakan atau menyediakan apa-apa maklumat, pernyataan, statistik, penyata atau dokumen yang dia tahu, atau mempunyai sebab untuk mempercayai, adalah palsu atau mengelirukan.";

(c) dengan menggantikan subseksyen (6) dengan subseksyen yang berikut:

"(6) Menteri boleh, atas syor Bank, dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengubah, memotong, menambah, menggantikan, atau selainnya meminda takrif—

(a) "deposit" dalam subseksyen (1) dan Jadual Pertama; atau

(b) "suratcara terbitan" dalam subseksyen (7),

dan setelah penyiaran sedemikian, takrif "deposit" atau "suratcara terbitan", mengikut mana-mana yang berkenaan, yang diubah, dipotong, ditambah, digantikan atau selainnya dipinda, hendaklah mula berkuatkuasa dan berkesan penuh dan hendaklah disifatkan sebagai suatu bahagian integral Akta ini dari tarikh penyiaran sedemikian, atau dari tarikh terkemudian yang dinyatakan dalam perintah itu.";

(d) dengan memasukkan, selepas subseksyen (6), subseksyen yang berikut:

"(7) Bagi maksud-maksud Akta ini—

(a) "suratcara terbitan" ertinya suatu suratcara yang nilainya bergantung kepada nilai indeks atau aset yang menjadi dasar seperti matawang, sekuriti, komoditi atau suratcara terbitan lain dan termasuk suratcara terbitan kewangan dan suratcara terbitan komoditi;

(b) "suratcara terbitan kewangan" ertinya kontrak niaga hadapan, kontrak hadapan, kontrak swap, atau kontrak opsyen, atau suratcara kewangan lain yang mempunyai ciri-ciri yang serupa tetapi tidak termasuk—

(i) semua penerimaan atau pembayaran atas kunci kira-kira, termasuklah yang memperolehi nilainya atau secara kontrak menghendaki wang tunai daripada harga sekuriti atau indeks lain, seperti sekuriti bersandarkan gadai-janji, kewajipan faedah sahaja dan wang pokok sahaja, dan suratcara hutang diindeks; dan

(ii) ciri-ciri opsyen yang terkandung dalam kunci kira-kira yang boleh diterima atau boleh dibayar, seperti bentuk pertukaran dan peruntukan panggilan yang terkandung dalam bon boleh tukar; dan

(c) "suratcara terbitan komoditi" termasuk, setakat mana suratcara sedemikian bukannya suratcara terbitan kewangan, komoditi niaga hadapan, komoditi hadapan, komoditi swap, komoditi opsyen atau suratcara komoditi lain yang mempunyai ciri-ciri yang serupa, yang secara munasabahnyanya boleh diselesaikan secara tunai atau dengan sekuriti atau suratcara terbitan lain."

*Kuatkuasa
kebelakangan
perenggan
(1)(d).*

(2) Perenggan (1)(a)(ix) hendaklah mula berkuatkuasa dan hendaklah sentiasa disifatkan sebagai suatu bahagian integral Akta ibu mulai dari tarikh mula berkuatkuasanya Akta ibu.

*Pindaan
perkataan
"Ordinan".*

3. Akta ibu adalah dipinda—

(a) dalam subseksyen 2(1) dengan memotong takrif "Ordinan"; dan

(b) dengan—

(i) menggantikan perkataan "Ordinan" di mana jua terdapat dalamnya, dengan perkataan "Akta Bank Negara Malaysia 1958"; dan

(ii) memasukkan sebagai nota birai di mana jua perkataan "Akta Bank Negara Malaysia 1958" terdapat perkataan "*Akta 579*".

*Pindaan
seksyen 7.*

4. Seksyen 7 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

"(3) Mana-mana institusi yang tidak berpuas hati dengan apa-apa keputusan Menteri untuk membatalkan lesennya di bawah seksyen ini boleh—

(a) dalam masa empat belas hari dari keputusan itu disampaikan kepadanya di bawah seksyen 10(3); atau

- (b) dalam masa empat belas hari dari pengesahan pembatalan lesennya di bawah seksyen 11(5) diberitahu kepadanya,

merayu terhadap keputusan itu kepada Mahkamah Tinggi yang boleh—

- (aa) mengesahkan keputusan Menteri;
- (bb) membatalkan keputusan Menteri; atau
- (cc) menggantikan keputusan Menteri, dengan suatu perintah untuk menghadkan lesen di bawah seksyen 8 mengikut cara yang sama dan pada takat yang sama sebagaimana yang Menteri boleh menghadkan sesuatu lesen di bawah seksyen itu."

5. Seksyen 14 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 14.

- (a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Tiada institusi boleh diberikan lesen di bawah seksyen 6(4) dan juga tiada institusi sedemikian boleh menjalankan perniagaan berlesennya tanpa keizinan bertulis daripada Menteri jika wang modalnya yang tak tercacat oleh kerugian atau selainnya adalah kurang daripada amaun minimum wang modal yang akan disenggarakan oleh institusi berlesen sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri atas syor Bank.";

- (b) dalam subseksyen (2) dengan memotong perkataan "atau suatu amaun minimum wang kerja bersih, mengikut mana-mana yang berkenaan"; dan

- (c) dengan memotong subseksyen (3).

6. Subseksyen 17(1) Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan "tempatan".

Pindaan
seksyen 17.

Pindaan
seksyen 18.

7. Subseksyen 18(1) Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan "atau disifatkan memegang".

Pindaan
seksyen 19.

8. Seksyen 19 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Tiada seorang pun boleh mula menjalankan perniagaan institusi terjadual selepas tarikh berkuatkuasa melainkan jika—

(a) ia adalah sebuah syarikat;

(b) orang itu bercadang untuk menjalankan perniagaan tanda kredit, ia telah terlebih dahulu memperolehi kelulusan bertulis daripada Bank untuk menjalankan perniagaan tanda kredit; dan

(c) ia telah mematuhi kehendak seksyen 21(1) dan telah memperolehi pengakuan bertulis daripada Bank berkenaan dengan pematuhan tersebut."

Pindaan
seksyen 23.

9. Seksyen 23 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan koma selepas perkataan "pempfaktoran" dengan perkataan "atau"; dan

(b) dengan memotong perkataan 'atau "cek kembara" '.

Pindaan
seksyen 24.

10. Seksyen 24 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dalam nota birai dan dalam subseksyen (1) dengan memotong perkataan ", XI"; dan

(b) dalam teks bahasa kebangsaan, dalatn baris 23 subseksyen (1) dengan memotong perkataan "tertentu".

Pindaan
seksyen 26.

11. Teks bahasa kebangsaan seksyen 26 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "tak bertujuan mensolisit" di mana jua terdapat dalamnya dan dalam nota birai dengan perkataan "tanpa diminta".

12. Teks bahasa kebangsaan seksyen 28 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "hinggakan" dengan perkataan "mengenai". Pindaan seksyen 28.

13. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 29 dengan seksyen yang berikut: Pindaan seksyen 29.

"29. Tiada institusi berlesen boleh menubuhkan atau memperolehi mana-mana subsidiari di dalam atau di luar Malaysia tanpa terlebih dahulu mendapat keizinan bertulis daripada Bank."

14. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 30 dengan seksyen yang berikut: Pindaan seksyen 30.

"30. Tiada institusi berlesen boleh membuka mana-mana pejabat di dalam atau di luar Malaysia tanpa terlebih dahulu mendapat keizinan bertulis daripada Bank."

15. Teks bahasa kebangsaan subseksyen 32(1) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "akaunnya" dengan perkataan "tanggungannya". Pindaan seksyen 32.

16. Teks bahasa kebangsaan seksyen 33 Akta ibu adalah dipinda dalam nota birai dengan menggantikan perkataan "urusniaga yang dijalankan" dengan perkataan "perdagangan". Pindaan seksyen 33.

17. Seksyen 36 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 36.

(a) dalam subseksyen (1) dengan memotong perkataan "tempatan"; dan

(b) dengan memasukkan, selepas subseksyen (2), subseksyen yang berikut:

"(3) Walau apa pun subseksyen (1), kumpulan wang rizab boleh, dengan kelulusan Bank dan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang dikenakan oleh Bank, digunakan untuk membayar syer tak diterbitkan yang akan diterbitkan kepada anggota institusi berlesen sebagai syer bonus berbayar penuh.

(4) Tiada apa-apa dalam seksyen ini boleh memberikuasa kepada suatu institusi berlesen untuk membayar dividen daripada kumpulan wang rizab itu."

Pindaan
seksyen 37.

18. Seksyen 37 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam nota birai dengan memotong perkataan "dan wang kerja bersih"; dan
- (b) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Bank boleh menentukan bahawa suatu institusi berlesen hendaklah menyenggarakan, pada setiap masa, wang modal yang tak tercatat oleh kerugian, pada apa-apa nisbah kepada segala atau apa-apa aset atau kepada segala atau apa-apa liabiliti, atau kepada kedua-dua aset atau liabiliti itu, institusi itu dan kesemua pejabatnya di dalam dan di luar Malaysia sebagaimana yang dinyatakan dalam penentuan itu."

Pindaan
seksyen 38

19. Seksyen 38 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam teks bahasa kebangsaan dalam subseksyen (2) dengan menggantikan perkataan "dilakukan" dengan perkataan "ditanggung"; dan
- (b) dengan menggantikan subseksyen (5) dengan subseksyen yang berikut:

"(5) Bank boleh melarang mana-mana institusi berlesen daripada memberikan apa-apa kemudahan kredit kepada mana-mana orang dalam tempoh yang institusi itu telah gagal untuk mematuhi mana-mana kehendak suatu penentuan di bawah seksyen ini."

Pindaan
seksyen 40.

20. Subseksyen 40(15) Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam perenggan (a) dengan memasukkan, selepas perkataan "kesalahan", perkataan "yang berkaitan dengan ketidakjujuran atau fraud";

- (b) dalam perenggan (b) dengan menggantikan perkataan "sebanyak lima puluh peratus atau lebih" dengan perkataan "setakat yang institusi itu tidak lagi boleh mematuhi penentuan Bank di bawah seksyen 37(1)"; dan
- (c) dalam teks bahasa kebangsaan dalam perenggan (c) dengan menggantikan perkataan "luar aturan lain yang serius" dengan perkataan "luar aturan serius yang lain".

21. Seksyen 41 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 41.

- (a) dalam subseksyen (1)—
 - (i) dalam subperenggan (b)(i) dengan memasukkan, selepas koma bernoktah, perkataan "dan";
 - (ii) dalam subperenggan (b)(ii)—
 - (A) dengan memotong perkataan "tempatan";
 - (B) dengan menggantikan perkataan "; dan" dengan noktah; dan
 - (iii) dengan memotong perenggan (b)(iii); dan
- (b) dalam subseksyen (2)—
 - (i) dalam perenggan (a)—
 - (A) dengan memotong perkataan "(a)";
 - (B) dengan menggantikan perkataan "; dan" dengan noktah; dan
 - (ii) dengan memotong perenggan (b).

22. Subseksyen 43(3) Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan "tempatan".

Pindaan
seksyen 43.

23. Seksyen 45 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 45.

- (a) dalam subseksyen (1) dan (3) dengan memotong perkataan "tempatan" di mana jua terdapat dalamnya; dan

- (b) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam perenggan (3)(a) dan (b), dengan menggantikan perkataan "berkenaan dengan" di mana jua terdapat dalamnya dengan perkataan "bagi".

Pindaan
seksyen 46.

24. Seksyen 46 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1)—
- (i) dengan memotong perkataan "tempatan";
 - (ii) dengan menggantikan noktah dengan koma; dan
 - (iii) dengan memasukkan, selepas perenggan (b), perenggan yang berikut:

"kecuali jika Menteri, atas syor Bank dan setelah berpuas hati bahawa ia tidak akan—

(A) memudaratkan penggalakan struktur kewangan yang kukuh di Malaysia; dan

(B) berlawanan dengan kepentingan awam untuk berbuat sedemikian,

meluluskan sebaliknya."; dan

- (b) dalam subseksyen (2) dengan memotong perkataan "tempatan"; dan

- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (4), subseksyen yang berikut:

"(5) Mana-mana individu yang memegang sepuluh peratus atau lebih kepentingan dalam syer institusi berlesen, atau mana-mana orang selain daripada seorang individu yang memegang dua puluh peratus kepentingan atau lebih dalam syer institusi berlesen, hendaklah, sebelum melupuskan apa-apa kepentingan dalam syer institusi itu, memberitahu Bank secara bertulis tentang pelupusan yang

dicadangkan itu dan hendaklah terus memberitahu Bank tentang apa-apa pelupusan yang dicadangkan selanjutnya selagi individu atau orang lain itu memegang tidak kurang daripada lima peratus kepentingan dalam syer institusi itu.

(6) Bank boleh, pada bila-bila masa melalui notis secara bertulis, menghendaki mana-mana orang untuk mengemukakan-

(a) apa-apa maklumat atau butir mengenai apa-apa syer yang diperolehi atau dipegang secara langsung atau tak langsung sama ada bagi faedahnya sendiri atau bagi mana-mana orang lain; atau

(b) pernyataan mengenai pegangan kepentingan semasanya dalam syer institusi berlesen.

(7) Mana-mana orang yang telah disampaikan kepadanya suatu notis di bawah subseksyen (6) hendaklah, dalam masa tujuh hari dari penerimaan notis itu atau apa-apa tempoh yang lebih panjang sebagaimana yang dibenarkan oleh Bank dalam apa-apa hal tertentu, mengemukakan kepada Bank segala maklumat dan butir-butir atau perayataan yang perlu, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebagaimana yang dikehendaki oleh Bank dan ditentusahkan sewajarnya melalui akuan berkanun."

25. Seksyen 49 Akta ibu adalah dipinda-

Pindaan
seksyen 49.

(a) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan "berkenaan dengan" di mana jua terdapat dalamnya dengan perkataan "bagi"; dan

(b) dalam subseksyen (6) dengan memotong perkataan "bahawa ia akan berlawanan dengan mana-mana peruntukan lain Akta ini untuk meluluskan permohonan itu, atau".

Pindaan
seksyen 50.

26. Seksyen 50 Akta ibu adalah dipinda-

(a) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam baris 22 perenggan (1)(i), dengan menggantikan perkataan "cagaran" dengan perkataan "jaminan";

(b) dengan menggantikan perenggan (6)(b) dengan perenggan yang berikut:

"(b) jika tanah bermilik itu terletak di Sabah, penerima pindahan hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik selepas perintah itu dibuat, menyerahkan suatu salinan disahkan perintah itu kepada Pendaftar bagi pendaftaran perletakhakan tanah bermilik itu atau bahagian atau kepentingan dalam tanah bermilik sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Ordinan Tanah Sabah; atau"; dan

*Sabah
Bab 68.*

(c) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam subseksyen (7), dengan menggantikan perkataan "melaksanakannya" dengan perkataan "dilaksanakan".

Pindaan
seksyen 51.

27. Seksyen 51 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan "tempatan" dalam teks dan dalam nota birai.

Pindaan
seksyen 52.

28. Teks bahasa kebangsaan subseksyen 52(1) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "cuma harta itu sahaja" dengan perkataan "dengan sendirinya".

29. Teks bahasa kebangsaan seksyen 54 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 54.

- (a) dalam subperenggan (1)(a)(i) dengan menggantikan perkataan "bersama-sama dengannya" dengan perkataan "syer kepada orang itu";
- (b) dalam subseksyen (6) dengan menggantikan perkataan "ditentukan" dengan perkataan "dinyatakan"; dan
- (c) dalam subseksyen (12) dengan menggantikan perkataan "boleh dibuat kesimpulan daripadanya" dengan perkataan "boleh dicapai".

30. Seksyen 55 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan "tempatan" dalam teks dan dalam nota birai. Pindaan seksyen 55.

31. Seksyen 56 Akta ibu adalah dipinda- Pindaan seksyen 56.

- (a) dalam perenggan (1)(b) dengan memasukkan selepas perkataan "jenayah" perkataan "yang berkenaan dengan ketidakjujuran, fraud atau keganasan";
- (b) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam perenggan (1)(e), dengan menggantikan perkataan "pihak berkuasa kompeten yang lain" dengan perkataan "pihak berkuasa yang lain yang kompeten"; dan
- (c) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

"(2) Jika seseorang adalah tertakluk kepada kehilangan kelayakan di bawah subseksyen (1)(e), dia boleh-

- (a) dilantik atau dipilih, atau menyetujui terima perlantikan atau pemilihan; atau

(b) walau apa pun apa-apa dalam subseksyen (3), terus memegang jawatannya,

sebagai pengarah, pengurus, setiausaha, atau pegawai lain yang bersangkutan-paut dalam pengurusan mana-mana institusi berlesen jika Menteri berpuas hati, atas syor Bank, bahawa kriteria yang dinyatakan dalam perenggan (1) Jadual Kedua telah dipenuhi berkenaan dengannya.".

- Pindaan seksyen 58. **32.** Subseksyen 58(1) dan (2) Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan "tempatan" di mana jua terdapat dalamnya.
- Pindaan seksyen 60. **33.** Perenggan 60(3)(c) Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas perkataan "perbadanan berkaitannya", perkataan "yang bukannya suatu institusi atau orang lain yang disebut dalam perenggan (a) dan (b) masing-masingnya".
- Pindaan seksyen 61. **34.** Subseksyen 61(1) Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan ", atau, dalam hal sesuatu bank asing berlesen, wang kerja bersihnya,".
- Pindaan seksyen 62. **35.** Seksyen 62 Akta ibu adalah dipinda—
- (a) dalam perenggan (2)(a) dengan menggantikan perkataan "pinjaman" dengan perkataan "kemudahan kredit";
 - (b) dengan menggantikan perenggan (3)(b) dengan perenggan yang berikut:
 - "(b) subseksyen (1)(c) tidaklah terpakai bagi pemberian apa-apa kemudahan kredit oleh suatu institusi berlesen kepada suatu perbadanan yang dalamnya tiada seorang pun pengarah atau pegawai institusi berlesen itu mempunyai apa-apa kepentingan material dalam syer perbadanan itu."; dan

(c) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:

"(4) Bagi maksud-maksud seksyen ini—

(a) "pengarah" atau "pegawai" termasuk suami atau isteri, anak atau ibu bapa pengarah atau pegawai; dan

(b) Bank boleh dari semasa ke semasa menentukan perkara yang menjadi kepentingan material dalam syer suatu perbadanan."

36. Teks bahasa kebangsaan seksyen 63 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 63.

(a) dalam perenggan (b) dengan menggantikan perkataan "kemudahan kredit kepada institusi berlesen itu adalah tidak kurang baiknya" dengan perkataan "kemudahan kredit itu adalah tidak kurang baiknya kepada institusi berlesen itu"; dan

(b) dalam perenggan (d) dengan menggantikan perkataan "dicatatkan" dengan perkataan "direkodkan".

37. Seksyen 64 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 64.

(a) dengan memotong perkataan "tempatan" di mana jua terdapat dalamnya; dan

(b) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam subseksyen (6), dengan menggantikan perkataan "mencatatkan" dengan perkataan "merekodkan".

38. Seksyen 65 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 65.

(a) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam perenggan (2)(b), dengan menggantikan perkataan "sekatan" dengan perkataan "had"; dan

(b) dalam perenggan (2)(c) dengan menggantikan perkataan "bank" dengan perkataan "Bank".

Pindaan
seksyen 66.

39. Seksyen 66 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam subperenggan (2)(a)(iii) dengan memotong perkataan "atau";
- (b) dalam perenggan (2)(b) dengan menggantikan noktah dengan koma bernoktah;
- (c) dengan memasukkan, selepas perenggan (2)(b), perenggan yang berikut:

"(c) apa-apa syer yang diperolehi atau dipegang oleh suatu institusi berlesen akibat daripada penubuhannya atau pemerolehan sesuatu subsidiari dengan terlebih dahulu mendapat keizinan bertulis daripada Bank di bawah seksyen 29;

(d) apa-apa syer atau kepentingan dalam syer yang diperolehi atau dipegang oleh suatu syarikat diskaun berlesen; atau

(e) apa-apa syer atau kepentingan dalam syer yang diperolehi atau dipegang oleh suatu institusi berlesen berhubungan dengan perniagaannya sebagai peniaga terkecuali di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983.";

Akta 280.

- (d) dalam subseksyen (3) dengan menggantikan perkataan "subseksyen (2)(a)(i) atau (ii) atau (b)" dengan perkataan "subseksyen (2)(a)(ii), (b) atau (e)"; dan
- (e) dengan memasukkan, selepas subseksyen (3), subseksyen yang berikut:

"(4) Apa-apa pemerolehan, pegangan atau pelupusan syer atau kepentingan dalam syer bagi maksud atau dalam hal keadaan yang disebut dalam perenggan 2(a), (b), (c) atau (d) atau dalam subseksyen (3) tidak boleh dikira sebagai "berniaga sekuriti" bagi maksud Akta Perindustrian Sekuriti 1983."

Akta 280

40. Seksyen 67 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 67.

- (a) dalam subperenggan (a)(i) dengan menggantikan perkataan "syer" di mana jua terdapat dalamnya dengan perkataan "sekuriti";
- (b) dengan memotong perkataan "atau" yang terdapat di akhir subperenggan (a)(i) dan (ii);
- (c) dengan memasukkan, selepas subperenggan (a)(ii), subperenggan yang berikut:
 - "(iii) pembelian atau pegangan apa-apa kepentingan dalam syer mana-mana perbadanan;
 - (iv) pembelian atau pegangan apa-apa suratcara terbitan; atau
 - (v) pembelian atau pegangan apa-apa harta lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank; atau"; dan
- (d) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:
 - "(b) atas cagaran apa-apa sekuriti, harta tak alih, kepentingan dalam syer, suratcara terbitan atau apa-apa harta lain."

41. Seksyen 69 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "mana-mana pejabat di luar Malaysia bagi sesuatu institusi tempatan berlesen" dengan perkataan "pejabatnya di dalam dan di luar Malaysia".

Pindaan
seksyen 69.

42. Seksyen 70 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "mana-mana pejabat di luar Malaysia bagi sesuatu institusi tempatan berlesen" dengan perkataan "pejabatnya di dalam dan di luar Malaysia".

Pindaan
seksyen 70.

43. Seksyen 73 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 73.

- (a) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam baris 3 subperenggan (1)(b)(iii), dengan memasukkan, selepas perkataan "atau" perkataan "mana-mana";

- (b) dalam perenggan (1)(D) dengan memotong perkataan "berkenaan dengan sesuatu institusi tempatan berlesen,";
- (c) dalam subseksyen (2) dengan menggantikan perkataan "sebagai ganti menjalankan" dengan perkataan "sama ada atau tidak ia telah menjalankan";
- (d) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam perenggan (2)(b), dengan menggantikan perkataan "bersampingan atau berdampingan" dengan perkataan "bersampingan, berdampingan atau berbangkit";
- (e) dalam perenggan (2)(c) dengan memotong perkataan "sekiranya institusi itu suatu institusi tempatan berlesen,"; dan
- (f) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam subseksyen (5), dengan menggantikan perkataan "oleh Bank mengikut cara yang sama," dengan perkataan "mengikut cara yang sama, oleh Bank".

Pindaan
seksyen 77.

44. Teks bahasa kebangsaan seksyen 77 Akta ibu adalah dipinda dalam subseksyen (1) dengan menggantikan perkataan "membatalkan" dengan perkataan "mengkensel".

Pindaan
seksyen 79.

45. Seksyen 79 Akta ibu adalah dipinda dengan—

- (a) dengan menggantikan noktah bertindih dengan noktah;
- (b) dengan memotong *proviso*; dan
- (c) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan "subsidiari-subsidiari institusi berlesen" dalam nota birai dengan perkataan "perbadanan-perbadanan berkaitan".

Pindaan
seksyen 80.

46. Seksyen 80 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam perenggan (1)(d) dengan memasukkan, selepas koma bernoktah, perkataan "atau"; dan
- (b) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan "berdampingan, bersampingan" dengan perkataan "bersampingan, berdampingan".

47. Seksyen 83 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas subseksyen (2), subseksyen yang berikut:

Pindaan
seksyen 83.

"(3) Suatu senarai segala barang yang disita dalam menjalankan pengeledahan di bawah seksyen ini dan premis di mana barang tersebut masing-masingnya dijumpai hendaklah disediakan oleh pegawai penyiasat yang menjalankan pengeledahan itu dan ditandatangani olehnya.

(4) Penghuni premis yang dimasuki di bawah subseksyen (1), atau mana-mana orang bagi pihaknya, hendaklah pada tiap-tiap ketika dibenarkan hadir semasa pengeledahan itu, dan suatu salinan senarai yang disediakan dan ditandatangani di bawah seksyen ini hendaklah diserahkan kepada penghuni atau orang itu atas permintaannya.

(5) Seseorang pegawai penyiasat hendaklah, melainkan jika diperintahkan selainnya oleh mana-mana mahkamah—

- (a) pada penutupan penyiasatan atau apa-apa prosiding yang berbangkit daripadanya; atau
- (b) dengan terlebih dahulu mendapat keizinan bertulis daripada mana-mana pegawai Bank yang diberikuasa oleh Gabenor untuk bertindak bagi pihaknya bagi maksud ini, atau mana-mana pegawai penyiasat yang berpangkat lebih tinggi daripadanya, pada bila-bila masa sebelum penutupan penyiasatan, melepaskan mana-mana harta, buku atau dokumen lain yang disita, ditahan atau dialih olehnya atau mana-mana pegawai penyiasat lain, kepada mana-mana orang yang ditentukan olehnya sebagai berhak di sisi undang-undang terhadap harta, buku atau dokumen lain itu jika dia berpuas hati bahawa ia tidak diperlukan bagi maksud apa-apa pendakwaan atau prosiding di bawah Akta ini, atau bagi maksud apa-apa pendakwaan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

(6) Suatu rekod bertulis hendaklah dibuat oleh pegawai yang menyebabkan apa-apa pelepasan mana-mana harta, buku atau dokumen lain di bawah subseksyen (5) berkenaan dengan pelepasan sedemikian dengan menyatakan dalamnya secara terperinci hal keadaan, dan sebab bagi, pelepasan sedemikian.

(7) Jika pegawai penyiasat tidak dapat menentukan orang yang berhak di sisi undang-undang terhadap harta, buku atau dokumen lain itu atau jika terdapat lebih daripada satu pihak menuntut harta, buku atau dokumen lain itu, pegawai penyiasat hendaklah melaporkan perkara itu kepada Majistret yang hendaklah kemudiannya memperlakukati harta, buku atau dokumen lain itu sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 413(2), (3) dan (4), 414, 415 dan 416 Kanun Prosedur Jenayah."

N.M.B.Bab 6.

Pindaan
seksyen 85.

48. Teks bahasa kebangsaan perenggan 85(*b*) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "melambat-lambatkan" dengan perkataan "melengah-lengahkan".

Pindaan
seksyen 87.

49. Seksyen 87 Akta ibu adalah dipinda—

(*a*) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam baris 12 perenggan (2)(*b*), dengan memasukkan selepas perkataan "dokumen lain yang tersebut" perkataan "atau"; dan

(*b*) dalam subseksyen (6) dengan menggantikan perkataan "direkodkan oleh pegawai penyiasat secara bertulis dalam tandatangannya sendiri" dengan perkataan "dijadikan dalam bentuk tulisan oleh pegawai penyiasat".

Pindaan
seksyen 91.

50. Seksyen 91 Akta ibu adalah dipinda—

(*a*) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam baris 6 perenggan (*b*), dengan menggantikan perkataan "berjadual" dengan perkataan "terjadual"; dan

(*b*) dengan memasukkan, selepas perkataan "penyediaan pembiayaan", perkataan "atau perniagaan sewa-beli".

51. Seksyen 93 Akta ibu adalah dipinda dalam subseksyen (1) dan nota birainya dengan menggantikan perkataan "Bahagian X dan XI" dengan perkataan "Bahagian X". Pindaan seksyen 93.

52. Perenggan 95(c) Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan ", selain daripada Perlembagaan". Pindaan seksyen 95.

53. Subseksyen 97(1) Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas perkataan "mana-mana institusi berlesen," perkataan "atau mana-mana biro luaran yang ditubuhkan, atau mana-mana ejen yang dilantik, oleh institusi berlesen untuk mengusahakan mana-mana bahagian perniagaannya". Pindaan seksyen 97.

54. Subseksyen 99(1) Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 99.

(a) dalam perenggan (d) dengan menggantikan perkataan "semasa berlangsungnya" dengan perkataan "bagi maksud mana-mana prosiding jenayah atau berkenaan dengan";

(b) dengan menggantikan perenggan (f) dengan perenggan yang berikut:

"(f) kepada biro luaran yang ditubuhkan, atau ejen yang dilantik, oleh institusi berlesen dengan terlebih dahulu mendapat keizinan bertulis daripada Bank;"

(c) dengan memotong perkataan "atau" yang terdapat di akhir perenggan (g);

(d) dengan menggantikan perenggan (h) dengan perenggan yang berikut:

"(h) jika pendedahan sedemikian dibenarkan di bawah mana-mana undang-undang Persekutuan untuk dibuat kepada seorang pegawai polis yang menyiasat apa-apa kesalahan di bawah undang-undang itu dan pendedahan sedemikian kepada pegawai polis itu adalah, bagaimanapun, terhad kepada akaun dan hal ehwal orang yang disyaki melakukan kesalahan itu; atau"; dan

(e) dengan memasukkan selepas perenggan (h) perenggan yang berikut:

"(i) jika pendedahan sedemikian dibenarkan secara bertulis oleh Bank."

Pindaan seksyen 101. **55.** Seksyen 101 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perenggan (1)(a).

Pindaan seksyen 102. **56.** Teks bahasa kebangsaan seksyen 102 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "atau mana-mana pejabat di negara, wilayah atau tempat mana-mana institusi berlesen itu" dengan perkataan "atau mana-mana pejabat mana-mana institusi berlesen di negara, wilayah atau tempat itu".

Pindaan seksyen 103. **57.** Teks bahasa kebangsaan seksyen 103 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan "masing-masingnya" dalam perenggan (2)(c).

Pindaan seksyen 113. **58.** Seksyen 113 Akta ibu adalah dipinda—
 (a) dalam subseksyen (2) dengan memasukkan, selepas perkataan "undang-undang bertulis", perkataan "atau bagi maksud-maksud biro kredit yang ditubuhkan di bawah seksyen 30(1)(mmm) Akta Bank Negara Malaysia 1958"; dan
 (b) dengan memotong subseksyen (3).

Pindaan seksyen 114. **59.** Seksyen 114 Akta ibu adalah dipinda—
 (a) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan "dibentangkan" dengan perkataan "dibuat"; dan
 (b) dalam perenggan (2)(b) dengan memasukkan, selepas perkataan "seksyen 73(2)(b)", perkataan "atau (c)".

Pindaan seksyen 115. **60.** Teks bahasa kebangsaan seksyen 115 Akta ibu adalah dipinda—
 (a) dalam subseksyen (1) dengan memotong perkataan "(sama ada atau tidak ia telah mematuhi kehendak-kehendak seksyen 21(1))"; dan

(b) dalam perenggan (1)(c) dengan menggantikan perkataan "mengambil" dengan perkataan "mengeluarkan".

61. Seksyen 116 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 116.

(a) dengan menggantikan subperenggan (2)(a)(ii) dengan subperenggan yang berikut:

"(ii) pemberian apa-apa kemudahan kredit oleh mana-mana institusi berlesen kepada mana-mana orang dalam bentuk kredit pengguna, atau bagi pembiayaan apa-apa suratcara terbitan, pemerolehan atau pegangan harta tak alih atau apa-apa kepentingan dalamnya, atau pemerolehan atau pegangan apa-apa syer atau apa-apa kepentingan dalam syer, atau pemerolehan atau pegangan apa-apa harta lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank;

(b) dengan memasukkan selepas subperenggan (2)(a)(ii) subperenggan yang berikut:

"(iii) pengeluaran atau pemerolehan, pegangan atau pelupusan suratcara terbitan oleh suatu institusi berlesen;

(iv) peruntukan pembiayaan, khidmat bank, pemindahan wang atau khidmat remitan yang diberikan atau dijalankan oleh orang selain daripada institusi berlesen dan untuk menjadikan kesalahan, berkenaan dengan pelanggaran peraturan itu dan memperuntukkan penalti yang tidak melebihi denda berjumlah sepuluh juta ringgit bagi kesalahan sedemikian;

(v) aktiviti syarikat pegangan institusi berlesen;"

(c) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam perenggan (2)(c) dan (2)(d), dengan memotong perkataan "(sama ada atau tidak ia telah mematuhi kehendak-kehendak seksyen 21(1))"; dan

(d) dengan menggantikan perenggan (2)(e), dengan perenggan yang berikut:

"(e) untuk mengadakan peruntukan bagi pengenaan kewajipan, liabiliti, tanggungjawab, had, batasan, larangan atau sanksi, atau pemberian hak, keistimewaan, faedah atau gantirugi atas—

(i) pengarah, pegawai atau pemegang syer institusi berlesen atau syarikat pegangan institusi berlesen; atau

(ii) pihak kepada mana-mana sistem pemindahan kumpulan wang elektronik yang ditubuhkan, atau beroperasi, di Malaysia;".

Pindaan
seksyen 118.

62. Teks bahasa kebangsaan perenggan 118(1)(a) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "sebagai balasan" dengan perkataan "dalam menimbangkan".

Pindaan
seksyen 119.

63. Teks bahasa kebangsaan subseksyen 119(7) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "bersampingan atau berdampingan" dengan perkataan "berdampingan atau bersampingan".

Pindaan
seksyen 121.

64. Teks bahasa kebangsaan subseksyen 121(3) Akta ibu adalah dipinda dalam baris 10 dengan memasukkan, selepas perkataan "perniagaan", perkataan "institusi itu".

Pindaan
seksyen 122.

65. Seksyen 122 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dalam subseksyen (1) dengan menggantikan perkataan "Jika sesuatu institusi berlesen atau sesuatu institusi terjadual atau sesuatu institusi

tak terjadual yang berkenaan dengannya Menteri telah membuat suatu perintah di bawah seksyen 24(1), atau 93(1), adalah masing-masingnya" dengan perkataan "Jika sesuatu institusi berlesen, atau institusi terjadual atau institusi tak terjadual yang berkenaan dengannya Menteri telah membuat suatu perintah di bawah seksyen 24(1) atau 93(1) masing-masingnya adalah,"; dan

- (b) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam baris 12 subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan "akta" dengan perkataan "Akta".

66. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 124 dengan seksyen yang berikut: Pindaan seksyen 124.

"
Perniagaan bank atau kewangan Islam.
Akta 276.

124. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 33, tiada apa pun dalam Akta ini atau Akta Bank Islam 1983 yang melarang atau menyekat mana-mana institusi berlesen daripada menjalankan perniagaan bank Islam atau perniagaan kewangan Islam, sebagai tambahan kepada perniagaan berlesennya yang sedia ada, dengan syarat bahawa institusi berlesen itu hendaklah berunding dengan Bank sebelum ia menjalankan perniagaan bank Islam atau perniagaan kewangan Islam.

(2) Bagi mengelakkan keraguan, adalah diisytiharkan bahawa suatu institusi berlesen hendaklah, berkenaan dengan perniagaan bank Islam atau perniagaan kewangan Islam yang dijalankan olehnya, tertakluk kepada peruntukan Akta ini.

(3) Mana-mana institusi berlesen yang menjalankan perniagaan bank Islam atau perniagaan kewangan Islam, sebagai tambahan kepada perniagaan berlesennya yang sedia ada boleh, dari semasa ke semasa meminta nasihat

Majlis Penasihat Syariah yang ditubuhkan di bawah subseksyen (7), mengenai pengendalian perniagaannya untuk memastikan bahawa ia tidak melibatkan mana-mana elemen yang tidak dibenarkan oleh Agama Islam.

(4) Mana-mana institusi berlesen yang menjalankan perniagaan bank Islam atau perniagaan kewangan Islam hendaklah mematuhi apa-apa arahan bertulis berkaitan derigan perniagaan bank Islam atau apa-apa perniagaan kewangan Islam yang lain, yang dijalankan oleh institusi berlesen itu, yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Bank, dengan perundingan dengan Majlis Penasihat Syariah.

(5) Mana-mana institusi berlesen yang menjalankan perniagaan bank Islam atau perniagaan kewangan Islam hendaklah disifatkan sebagai bukan sebuah bank Islam.

(6) Akta ini tidaklah terpakai kepada suatu bank Islam.

(7) Bagi maksud seksyen ini—

(a) maka hendaklah ditubuhkan suatu Majlis Penasihat Syariah yang terdiri daripada mana-mana ahli, dan mempunyai apa-apa fungsi, kuasa dan tugas sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank untuk menasihatkan Bank itu tentang Syariah berkaitan dengan perniagaan perbankan Islam atau perniagaan kewangan Islam;

(b) "perniagaan bank Islam" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Bank Islam 1983; dan

(c) "perniagaan kewangan Islam" ertinya apa-apa perniagaan kewangan Islam, yang tujuan dan pengendaliannya, tidak melibatkan elemen yang tidak benarkan oleh Agama Islam."

67. Teks bahasa kebangsaan subseksyen 128(2) adalah dipinda- Pindaan
seksyen 128.

- (a) dalam perenggan (b) dengan menggantikan perkataan "arahan" di mana jua terdapat dalamnya dengan perkataan "nota"; dan
- (b) dalam baris 20 dan 21 perenggan (d) dengan menggantikan perkataan "sah dan menurut undang-undang" dengan perkataan "menurut undang-undang dan sah".

68. Jadual Keempat Akta ibu adalah dipinda-

Pindaan
Jadual
Keempat.

- (a) dalam ruang keenam—
 - (i) berkenaan dengan nombor siri 1, dengan menggantikan perkataan "10 ribu" dengan perkataan "100 ribu";
 - (ii) berkenaan dengan nombor siri 2, dengan menggantikan perkataan "5 ribu" dengan perkataan "50 ribu";
 - (iii) berkenaan dengan nombor siri 6, dengan menggantikan perkataan "10 ribu" dengan perkataan "100 ribu";
 - (iv) berkenaan dengan nombor siri 20, dengan menggantikan perkataan "10 ribu" dengan perkataan "100 ribu";
- (b) dalam ruang keempat dan kelima—
 - (i) berkenaan dengan nombor siri 23, dengan menggantikan perkataan "3 tahun" dan "3 juta" masing-masingnya dengan perkataan "5 tahun" dan "5 juta";
 - (ii) berkenaan dengan nombor siri 24, dengan menggantikan perkataan "5 tahun" dan "5 juta" masing-masingnya dengan perkataan "10 tahun" dan "10 juta";
- (c) dalam ruang keenam berkenaan dengan nombor siri 61, dengan menggantikan perkataan "5 ribu" dengan perkataan "50 ribu"; dan

- (d) dalam ruang keempat dan kelima, berkenaan dengan nombor siri 63, dengan menggantikan perkataan "5 tahun" dan "5 juta" masing-masingnya dengan perkataan "10 tahun" dan "10 juta".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989.

2. *Fasal 1* bertujuan mengadakan tajuk ringkas bagi Akta Pindaan.
3. (a) *Fasal 2(1)(a)* bertujuan mengadakan peruntukan bagi takrif suratcara terbitan. *Fasal 2(1)(a)(iii)*, (iv), (v), (vi), (viii) dan (x) bertujuan menggantikan perkataan tertentu dalam teks bahasa kebangsaan untuk menjadikan teks bahasa kebangsaan lebih tepat. Pelbagai pindaan telah juga dibuat di bawah *fasal 10(b)*, 11, 12, 15, 16, 19(a), 20(c), 23(b), 25(a), 26(a) dan (c), 28, 29, 31(b), 36, 37(b), 38(a), 43(a), (d) dan (f), 44, 45(c), 46(b), 48, 49(a), 50(a), 56, 57, 59(a), 60, 61(c), 62, 63, 64, 65(b) dan 67 atas sebab yang sama.
 - (b) *Fasal 2(1)(a)(i)*, (ii), (vii) dan (xiii) bertujuan memotong perkataan dan ungkapan tertentu yang tidak lagi sesuai digunakan setelah bank-bank asing diperbadankan di Malaysia. Pelbagai pindaan telah juga dibuat di bawah *fasal 6*, 7, 13, 14, 17(a), 18(a) dan (b), 21, 22, 23(a), 24(a) dan (b), 27, 30, 32, 34, 37(a), 41, 42, 43(b) dan (e), 45(a) dan (b), 55 dan 59(b) atas sebab yang sama.
 - (c) *Fasal 2(1)(xi)* bertujuan mengadakan takrif baru bagi "sekuriti". Takrif ini adalah dikehendaki untuk memberi Bank Negara kuasa untuk membuat peraturan-peraturan untuk mengawal kewangan sekuriti oleh institusi-institusi kewangan.
 - (d) *Fasal 2(1)(b)* bertujuan meminda subseksyen 2(4) untuk mengadakan peruntukan bagi larangan terhadap pengemukaan, pengadaan atau penyediaan maklumat yang palsu atau mengelirukan kepada Bank Negara. Membuat sebegitu adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Akta.
 - (e) *Fasal 2(1)(c)* bertujuan memberi Menteri kuasa untuk mengubah, memotong, menambah, menggantikan atau selainnya meminda takrif "deposit" atau "suratcara terbitan".

(f) *Fasal 2(1)(d)* bertujuan memasukkan subseksyen baru (7) berkenaan dengan takrif "suratcara terbitan". Takrif ini dikehendaki kerana terdapat cadangan pindaan bahawa Bank diberikuasa untuk membuat peraturan-peraturan berkaitan dengan berniaga terbitan oleh institusi kewangan.

4. *Fasal 2(2)* bertujuan memberi kuatkuasa kebelakangan kepada takrif baru "perniagaan syarikat kewangan" di bawah fasal 2(1)(a)(ix).

5. *Fasal 3* bertujuan memotong takrif "Ordinan" dan menggantikannya dengan perkataan "Akta Bank Negara Malaysia 1958" kerana Akta itu telah disemak dalam tahun 1994.

6. *Fasal 4* bertujuan meminda subseksyen 7(3) untuk menjelaskan bahawa apabila lesen sesuatu institusi berlesen telah dibatalkan, institusi itu boleh merayu terhadap keputusan itu dalam masa empat belas hari keputusan itu disampaikan kepadanya di bawah subseksyen 10(3) atau dalam masa empat belas hari dari pengesahan pembatalan lesen itu di bawah subseksyen 11(5) diberitahu kepadanya.

7. *Fasal 5* bertujuan meminda seksyen 14 untuk membolehkan penubuhan atau pengendalian bank berlesen yang dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan asing atau agensinya di Malaysia.

8. *Fasal 8* bertujuan meminda seksyen 19 untuk mengadakan peruntukan, antara lain, bahawa kelulusan Bank Negara adalah dikehendaki sebelum menjalankan perniagaan kredit tanda.

9. *Fasal 9* bertujuan meminda seksyen 23 untuk memotong rujukan kepada cek kembara kerana suratcara ini tidak termasuk di bawah takrif "perniagaan terjadual".

10. *Fasal 10(a)* bertujuan meminda seksyen 24 untuk membolehkan penyiasatan segera atas institusi terjadual atau pejabat wakil institusi asing yang melanggar peruntukan Akta tanpa perlu Menteriewartakan suatu perintah di bawah seksyen tersebut.

11. *Fasal 17* bertujuan memasukkan subseksyen baru 36(3) dan 36(4) untuk mengadakan peruntukan bahawa kumpulan wang rizab yang hendaklah disenggarakan oleh sesuatu institusi berlesen di bawah seksyen 36 boleh digunakan bagi penerbitan syer bonus tetapi tidak boleh digunakan bagi pembayaran dividen atau pengagihan sebagai wang modal.

12. *Fasal 19(b)* bertujuan meminda subseksyen 38(5) untuk membolehkan Bank melarang pemberian kemudahan kredit diperluaskan oleh institusi berlesen apabila keperluan kecairan tidak dipatuhi oleh institusi itu.

13. *Fasal 20* bertujuan meminda perenggan (a) dan (b) subseksyen 40(15) untuk menghendaki juruaudit untuk melaporkan hanya kesalahan berkaitan dengan ketidakjujuran atau fraud dan apa-apa kerugian yang mengurangkan kumpulan wang modal institusi berlesen setakat yang ia tidak lagi berupaya memenuhi Nisbah Kecukupan Modal yang ditentukan oleh Bank Negara.

14. *Fasal 24(a)(iii)* bertujuan meminda subseksyen 46(1) untuk membolehkan Menteri secara pentadbiran meluluskan pengecualian bagi pegangan maksimum yang dibenarkan dalam institusi-institusi kewangan. *Fasal 24(c)* bertujuan memasukkan subseksyen baru (5), (6) dan (7). Subseksyen baru (5) memasukkan suatu kehendak baru bagi pemegang syer untuk memberitahu Bank mengenai pelupusan kepentingan dalam syer jika mereka memegang lebih 10% (individu) atau 20% (perbadanan) sesuatu institusi berlesen. Subseksyen baru (6) dan (7) memberi Bank Negara kuasa untuk menghendaki mana-mana orang untuk menyerahkan maklumat tentang pemegangannya dalam syer dalam institusi berlesen.

15. *Fasal 25(b)* bertujuan mengeluarkan syarat dalam subseksyen 49(6) bahawa apa-apa kelulusan yang diberikan bagi pertukaran kawalan dalam institusi berlesen atau syarikat pegangannya hendaklah tidak boleh bercanggah dengan peruntukan lain dalam Akta kerana apa-apa kelulusan yang diberikan di bawah perenggan 49(1)(a) akan sentiasa menjadi tak konsisten dengan peruntukan subseksyen 46(1) yang menghadkan pemegangan syer dalam mana-mana institusi berlesen kepada 10% (individu) atau 20% (perbadanan).

16. *Fasal 26(b)* bertujuan meminda seksyen 50 untuk menjelaskan bahawa pendaftaran perletakhakan bagi tanah bermilik, atau bahagian atau kepentingan dalam tanah bermilik adalah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Ordinan Tanah Sabah, dan tidaklah terhad kepada subseksyen 114(2) Ordinan Tanah Sabah yang hanya memperuntukkan pendaftaran pemilikan tanah sahaja.

17. *Fasal 31(a)* bertujuan meminda perenggan (b) subseksyen 56(1) untuk menghadkan lingkungan perkataan "kesalahan" dalam perenggan ini untuk merangkumi hanya kesalahan yang berkaitan dengan fraud, ketidakjujuran atau keganasan.

Fasal 31(c) bertujuan meminda seksyen 56(2) untuk menjelaskan bahawa seseorang yang hilang kelayakan di bawah perenggan 56(1)(e) boleh dilantik atau dipilih, atau terus memegang jawatannya, sebagai pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang berkaitan dengan pengurusan institusi berlesen jika Menteri berpuas hati bahawa dia memenuhi kriteria berkaitan dengan orang yang layak dan sesuai yang dinyatakan dalam perenggan (1) Jadual Kedua.

18. *Fasal 33* bertujuan meminda seksyen 60 untuk menjelaskan bahawa larangan terhadap bank memberi kemudahan kredit tanpa cagaran kepada perbadanan berkaitannya adalah tidak terpakai jika perbadanan itu adalah institusi berlesen atau orang yang terlibat dalam pembiayaan kewangan yang diluluskan oleh Bank.

19. *Fasal 35(b)* bertujuan meminda seksyen 62(3) untuk mengadakan peruntukan untuk larangan yang sama bagi pegawai, pengarah dan pengarah eksekutif institusi berlesen berkenaan dengan larangan terhadap pemberian kemudahan kredit diperluaskan kepada perbadanan yang dalamnya pegawai, pengarah dan pengarah eksekutif itu mempunyai kepentingan.

20. *Fasal 39(c)* bertujuan meminda seksyen 66 untuk memperluaskan skop pelaburan institusi berlesen.

Fasal 39(e) bertujuan memasukkan subseksyen (4) untuk mengecualikan pemerolehan, pegangan atau pelupusan syer atau kepentingan dalam syer bagi maksud-maksud yang disebut dalam subseksyen 66(2) atau (3) daripada dianggap sebagai "berniaga dalam sekuriti".

21. *Fasal 40* bertujuan meminda seksyen 67 untuk memperluaskan skop seksyen ini supaya meliputi pembiayaan sekuriti dan suratcara terbitan dan pengambilan instrumen tersebut, sebagai cagaran.

22. *Fasal 47* bertujuan meminda seksyen 83 untuk memasukkan subseksyen baru (3), (4), (5), (6) dan (7) untuk mengadakan peruntukan bagi penyediaan senarai pengeledahan dan menyatakan prosedur yang hendaklah diikuti bagi pelepasan harta yang disita.

23. *Fasal 49(b)* bertujuan meminda subseksyen 87(6) untuk memperbaiki pelaksanaan subseksyen itu supaya pegawai penyiasat tidak perlu merekodkan dengan tulisannya sendiri mengenai pemeriksaan orang yang disyaki melakukan kesalahan.

24. *Fasal 50(b)* bertujuan meminda seksyen 91 untuk memperluaskan lingkungan Bahagian XII untuk meliputi institusi tak terjadual yang terlibat dalam perniagaan sewa-beli.

25. *Fasal 51* bertujuan meminda seksyen 93 untuk mengadakan peruntukan bahawa sesuatu institusi tak terjadual yang melakukan kesalahan di bawah Akta boleh disiasat walaupun Menteri tidak membuat perintah di bawah seksyen 93.

26. *Fasal 52* bertujuan meminda seksyen 95 untuk memotong perkataan ", selain daripada Perlembagaan". Perkataan ini tidak diperlukan kerana sudah jelas bahawa Perlembagaan adalah undang-undang utama Persekutuan dan bahawa mana-mana undang-undang yang tak konsisten dengannya adalah tak sah setakat ketakkonsistenan itu.

27. *Fasal 53* bertujuan meminda seksyen 97 untuk memperluaskan pemakaian seksyen ini kepada biro luaran atau ejen yang dilantik oleh institusi berlesen.
28. *Fasal 54* bertujuan memperluaskan skop pendedahan di bawah seksyen 99 dan memperuntukkan Bank dengan kuasa statutori untuk membenarkan pendedahan di bawah seksyen itu. Perenggan baru (*f*) bertujuan membenarkan pendedahan maklumat kepada biro luaran atau ejen yang ditubuhkan atau dilantik oleh institusi berlesen,
- Fasal 54(c)* dan (*d*) bertujuan meminda seksyen 99 untuk menggubal semula perenggan (1)(*h*) kepada dua perenggan berasingan iaitu (*h*) and (*i*) untuk mengadakan peruntukan berasingan bagi dua perkara yang tak berkaitan.
29. *Fasal 58(a)* dan (*b*) bertujuan meminda seksyen 113 untuk membolehkan maklumat yang diperolehi di bawah seksyen 113 digunakan bagi maksud Biro Kredit Pusat.
30. *Fasal 61(a)* dan (*d*) bertujuan meminda seksyen 116 untuk mengadakan peruntukan bahawa Bank boleh membuat peraturan-peraturan berkenaan tentang pemberian kemudahan kredit oleh sesuatu institusi berlesen bagi pembiayaan, pemerolehan atau pegangan suratcara terbitan atau apa-apa aset lain yang ditetapkan oleh Bank. Kuasa membuat peraturan adalah dicadangkan berkaitan dengan sistem pembayaran dan perkhidmatan perbankan yang dikendalikan oleh institusi bukan kewangan dan berkaitan dengan aktiviti dan pegawai syarikat pemegang institusi berlesen.
31. *Fasal 65* bertujuan menggubal semula peruntukan seksyen 122 yang sedia ada untuk menjadikannya lebih jelas.
32. *Fasal 66* bertujuan meminda seksyen 124 untuk mengesahkan perjalanan bank Islam dan perniagaan kewangan Islam oleh institusi berlesen dan untuk menubuhkan Majlis Penasihat Syariah.
33. *Fasal 68* bertujuan menambah penalti bagi pelbagai kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual Keempat.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN.(U²) 1737.]